



5TH ASEAN SCHOOL FOR YOUNG INSURANCE MANAGERS (AYIM)

**DEWAN TEATER, CENTRE FOR ISLAMIC BANKING, FINANCE AND MANAGEMENT
26 MUHARRAM 1436 BERSAMAAN 19 NOVEMBER 2014**

1. Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) dan Brunei Insurance and Takaful Association (BITA) telah menganjurkan majlis pembukaan rasmi bagi 5th ASEAN School for Young Insurance Managers pada hari ini, 26 Muaharram 1436 bersamaan dengan 19 November 2014 bertempat di Dewan Teater, Centre for Islamic banking, Finance and Management (CIBFM).
2. Yang Mulia Dayang Hajah Lily binti Haji Kula, Timbalan Pengarah Urusan (Regulatori) di dalam ucaptama beliau, menekankan inisiatif program ini bertujuan untuk memastikan pengetahuan dan kemahiran pengurus insurans muda ASEAN adalah setanding, atau lebih daripada standard pengurusan di dalam pasaran yang lebih maju. Pembangunan potensi pengurus muda adalah penting untuk memastikan pertumbuhan dan keuntungan yang mampan bagi industri tersebut.
3. Program ini memberikan peluang kepada pengurus insurans untuk menimba ilmu bukan hanya dari penceramah jemputan, akan tetapi bertukar-tukar pandangan dan maklumat dengan rakan-rakan program.
4. Program ini berlangsung selama 6 hari yang tertumpu kepada 5 buah kurikulum kepimpinan iaitu pengurusan strategik, pengurusan risiko korporat, pengurusan pemasaran, pengurusan sumber manusia dan pengurusan kewangan dengan sokongan fakulti dari Insurance Institute for Asia and the Pacific (IIAP), Singapore College of Insurance (SCI) and Thailand Insurance Institute (TII). Program ini juga disokong oleh semua ahli-ahli Jawatankuasa Pendidikan Insurans ASEAN, terutamanya Institute of Risk Management and Insurance (STIMRA) dan The Malaysian Insurance Institute (MII).
5. Di acara tersebut, Yang Mulia Dayang Hajah Lily juga telah membuka rasmi program AYIM pengambilan ke-5.

Autoriti Monetari Brunei Darussalam
Tarikh: 26 Muaharram 1436 / 19 November 2014
Rujukan: AMBD/R/MTG/4